

Kita pastinya tidak mempunyai mesin masa untuk menelusuri peristiwa silam bagi menjejaki satu per satu asal usul realiti hari ini yang tercatat sebagai sejarah. Yang mampu kita lakukan hanyalah membaca dan terus membaca perihal setiap perkara tentang masa lalu bagi memperoleh gambaran tertentu biarpun hal itu tidak dapat menyingkap setiap sesuatu secara menyeluruh.

Begitulah yang dirasakan oleh penulis tatkala berada di Perpustakaan Kongres di Washington D.C. sewaktu musim bunga pada tahun 2023 yang membawa fikiran penulis kepada perihal kegemilangan Baitul Hikmah di Kota Baghdad seperti dalam catatan sejarah. Kedua-duanya menggarap fungsi yang sama sebagai tempat penyimpanan khazanah ilmu pengetahuan menerusi pelbagai peradaban manusia dari Timur dan Barat. Akan tetapi, sayang sekali apabila Baitul Hikmah telah pun sirna di balik runtuhannya Kerajaan Abbasiyah dan hanya Perpustakaan Kongres masih berdiri di bumi Amerika Syarikat (AS) hingga sekarang. Penulisan pada kali ini menyingkap sisi serupa kedua-dua perpustakaan agam ini sepanjang peredaran tawarikh manusia.

Berdirinya kedua-dua kutub khannah tersebut tidak lain atas galakan pemerintah. Perpustakaan Kongres yang tersergam megah di Independent Avenue Street, Washington D.C. berkembang secara berperingkat

Perpustakaan Kongres dan Baitul Hikmah

Antara Realiti dengan Sejarah





IBRAH

Perpustakaan Kongres di samping Baitul Hikmah berjaya membentuk identiti kegemilangan ilmu pada era masing-masing, iaitu untuk Washington D.C. kini dan satu lagi bagi Kota Baghdad pada sekitar kurun kesembilan hingga kurun ke-13 Masihi.

mula apabila Bangunan Thomas Jefferson sepenuhnya, lalu diikuti oleh Bangunan John Adams dan Bangunan Memorial James Madison. Kini, Kerajaan AS telah memperuntukkan sebanyak USD1,123,452 untuk tujuan perbelanjaan mengurus di Perpustakaan Kongres pada tahun 2021, iaitu pertama kalinya, seorang wanita Afrika Amerika, iaitu Carla Hayden dilantik sebagai pimpinan tertinggi perpustakaan itu sejak tahun 2016 ketika era pentadbiran Presiden Barack Obama.

Baitul Hikmah pula masyhur pada era pemerintahan Khalifah Harun al-Rashid (786–809M) dan anakandanya, Khalifah al-Ma'mun (813–833M) seiring dengan perkembangan ilmu pada ketika itu. Para pemerintah dalam tempoh kegemilangan Baitul Hikmah sanggup mengupah penterjemah untuk mentransliterasikan karya daripada tamadun lain seperti Yunani, China, Parsi dan India dengan perbelanjaan emas sebagai galakan. Teras sokongan daripada pemerintah telah membawa dua gedung bertingkat pengetahuan itu menjadi mercu tanda kegemilangan ilmu.

Selain itu, keberadaan kedua-dua institusi tersebut membolehkan penyimpanan karya ilmiah dibuat dengan begitu sistematik pada zaman masing-masing. Dewasa ini, sebanyak lebih daripada 10 000 jilid bahan bacaan telah dimasukkan dalam daftar rujukan di Perpustakaan Kongres, iaitu melebihi dua juta item setahun. Segala bahan rujukan ini boleh digunakan oleh pengunjung yang hadir, sama ada bahan berbentuk buku, peta, manuskrip, material rekaman muzik ataupun akhbar langka. Lebih memudahkan apabila terdapat usaha pendigitalan bahan bacaan berkenaan untuk diakses oleh pengguna dari seluruh dunia termasuklah naskhah Al-Quran milik Thomas Jefferson pada sekitar tahun 1790. Lantaran itu, apakah

manfaat yang dapat dinikmati oleh manusia sejagat berhubung dengan perkara ini? Sudah pasti hal ini berkaitan dengan penerokaan lapangan penyelidikan daripada pelbagai bidang seperti sejarah, ekonomi, perniagaan, sains, keagamaan, seni dan geografi.

Jika kita bandingkan pengisian di Perpustakaan Kongres dengan fungsi Baitul Hikmah dalam catatan peradaban Islam, sudah tentu titik persamaan itu mudah ditemukan. Baitul Hikmah pernah menempatkan karya daripada al-Kindi, al-Farabi, Ibn Sina, Ikhwan al-Safa, al-Tabari, al-Baladuri dan banyak lagi saintis Islam yang bermanfaat dalam ledakan pertumbuhan peradaban insan. Namun begitu, cara penyimpanan bahan ilmiah tersebut barangkali sedikit berbeza kerana khazanah ilmu pada zaman Abbasiyah tidak ditulis semuanya pada kertas, malahan penyediaan material digital masih belum wujud pada waktu itu. Akan tetapi, katalog *al-Fihris* susunan Ibn al-Nadim yang pernah wujud pada era kegemilangan Baitul Hikmah boleh menjadi bukti bahawa adanya senarai panjang rujukan intelektual yang tersimpan di institusi tersebut. Katalog ini tidak hanya mencatatkan judul buku, tetapi juga memberikan ringkasan kandungan, penulis dan informasi lain yang berkaitan, justeru menjadi sumber penting untuk masyarakat memahami perkembangan intelektual, kebudayaan, dan perpustakaan dunia Islam pada zaman Abbasiyah.

Sejajar dengan itu, Perpustakaan Kongres di samping Baitul Hikmah berjaya membentuk identiti kegemilangan ilmu pada era masing-masing, iaitu untuk Washington D.C. kini dan satu lagi bagi Kota Baghdad pada sekitar kurun kesembilan hingga kurun ke-13 Masihi. Perpustakaan Kongres yang tersergam di ibu negara AS itu memperlihatkan keunggulan pengetahuan buat penyelidik dan pelancong yang datang dari serata dunia. Keberadaan seni bina

bangunan Perpustakaan Kongres menambahkan deretan bangunan ikonik di bandar raya Washington D.C. selain Rumah Putih, Kapitol AS, Monumen Washington termasuk Memorial Thomas Jefferson.

Bagi Baitul Hikmah, catatan sejarah serta tulisan cendekiawan menjadi bukti betapa bangunan tersebut pernah berdiri dengan kapasiti gedung ilmu buat peradaban Islam. Hal ini pada satu sisi mencerminkan revolusi pandangan alam yang dibawa oleh Islam daripada kehidupan yang dibelenggu kejahilan kepada kebebasan dalam penerokaan ilmu duniawi bersulamkan ukhrawi. Bukan sekadar sains, Baitul Hikmah turut menyimpan khazanah ilmu kemanusiaan seperti karya sejarah oleh al-Tabari, geografi karangan al-Biruni dan tidak terkecuali nukilan magnum opus oleh al-Ghazali, iaitu *Ihya' 'Ulum al-Din*. Dengan kata mudah, kedua-dua institusi tersebut menjadi nadi kemandirian ilmu buat masyarakat sebagai lambang kegemilangan pengetahuan.

Selain itu, hubungan Perpustakaan Kongres dan Baitul Hikmah sebagai pusat ilmu saling berjalanan dengan pemerintah dan masyarakat. Masyarakat pada kedua-dua zaman keteguhan institusi ini telah memberikan sambutan dengan penyertaan mereka melalui penerokaan ke atas himpunan maklumat yang disediakan oleh pemerintah. Jika masyarakat tidak mempunyai sikap keterbukaan dan minat yang mendalam terhadap ilmu, tidak mungkin Perpustakaan Kongres dan Baitul Hikmah dapat terus berdiri. Pastinya kunjungan masyarakat yang menjadi asbab terserlah dan aktifnya dua institusi tersebut sebagai pusat kemajuan ilmu.

Namun demikian, Perpustakaan Kongres dan Baitul Hikmah, kedua-duanya pernah menempuh insiden serangan pihak luar yang membawa kerosakan dan kemusnahan, iaitu serangan British terhadap Perpustakaan Kongres pada tahun 1814, juga serangan terhadap Baitul Hikmah oleh angkatan tentera Mongol pada tahun 1258. Akan tetapi, Perpustakaan Kongres masih ada hingga hari ini, namun tidak untuk Baitul Hikmah yang hilang terus daripada peta bumi Baghdad.

Berkenaan dengan serangan British, Perpustakaan Kongres telah dibakar sehingga mengakibatkan kemusnahan banyak buku berharga di perpustakaan tersebut. Walau bagaimanapun, Perpustakaan Kongres masih wujud sampai sekarang kerana AS berjaya bangkit semula selepas serangan British. Sewaktu proses baik pulih, Perpustakaan Kongres telah menerima sebanyak lebih daripada 6000

naskah buku milik Jefferson untuk mengisi bahan bacaan. Pihak Kongres AS kemudiannya bersetuju untuk membeli naskah milik Jefferson tersebut bagi memenuhi kembali kandungan perpustakaan yang terjejas.

Namun begitu, perkara sedemikian tidak terjadi kepada Kerajaan Abbasiyah pascakeganasan tentera Mongol. Sayang sekali apabila kemaraan tentera Mongol telah memusnahkan keseluruhan khazanah ilmu di Baitul Hikmah. Penyerangan ini terjadi semasa penaklukan Mongol ke atas Baghdad, yang dipimpin oleh Hulagu Khan. Angkatan tentera Mongol merampas dan menghancurkan Baitul Hikmah, dan banyak daripada koleksi berharga dan manuskrip yang disimpan di sana dihancurkan serta dijarah. Peristiwa ini menyebabkan berlaku kehilangan besar terhadap warisan ilmiah dan budaya Islam pada masa itu, dan merupakan titik penting dalam kejatuhan Kerajaan Abbasiyah di Baghdad. Karya para ilmuwan dibakar, bahkan ribuan perbendaharaan ilmu dibuang ke Sungai Dajlah.

Apa-apa yang lebih utama dan perlu diketahui oleh masyarakat, Perpustakaan Kongres dan Baitul Hikmah berkongsi sifat sebagai pusat ilmu pengetahuan dan kebudayaan yang penting, dengan koleksi yang luas dan berharga. Kedua-duanya menghadapi ancaman terhadap koleksi mereka, justeru menekankan betapa perlunya setiap lapisan masyarakat melindungi waris intelektual. Pengalaman ini mengajar tentang keperluan pemulihan dan pembangunan semula institusi selepas musnah, selain mendorong kesinambungan dalam penyediaan akses ilmu pengetahuan dan inovasi dalam usaha menyediakan perkhidmatan kepada masyarakat.

Kesimpulannya, keunggulan sesebuah kerajaan mahupun peradaban tidak dapat lari daripada soal kegemilangan ilmu pengetahuan yang ada padanya. Tanpa asas keintelektualan dan paksi pengetahuan, mustahil bagi kelompok manusia dapat terus memajukan kehidupan seiring dengan peredaran waktu. Perpustakaan Kongres dan Baitul Hikmah pada satu sisi telah menjadi institusi yang menunjang kegemilangan ilmu biarpun kurun kemasyhurannya berlainan antara satu dengan yang lain. Perbandingan kedua-dua institusi ini menunjukkan betapa penting komitmen terhadap pengumpulan dan penyimpanan pengetahuan yang berharga. Pada masa yang sama peranan institusi tersebut juga amat signifikan dalam usaha memelihara dan mempromosikan kekayaan budaya dan intelektual untuk kesejahteraan umum.